

# Lampiran Penerangan Produk - Insurans Kerosakan Jentera

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil Insurans Kerosakan Jentera. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

CHUBB®

## 1. Apakah tentang produk ini?

---

Polisi ini menyediakan perlindungan kerosakan mekanikal terhadap jentera dari apa-apa sebab yang tidak dikecualikan secara khusus.

Polisi Insurans Pengguna bermakna suatu kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seorang individu bagi maksudnya sendiri yang sama sekali tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu itu.

## 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

---

Polisi ini menyediakan perlindungan terhadap kejutan atau kemungkinan kerosakan fizikal kepada jentera dari apa-apa sebab yang tidak dikecualikan secara khusus. Punca-punca risiko yang dilindungi ialah :-

- Kecacatan dalam acuan dan bahan
- Kesilapan rekabentuk
- Kesilapan di bengkel atau pembinaan
- Mutu kerja yang teruk
- Kekurangan kemahiran
- Kecuaian
- Kekurangan air di dalam periuk penjerang
- Letupan fizikal
- Lintar pintas
- Taufan

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan setiap tahun.

Catatan: Penerangan di atas adalah makluman ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang digunapakai sepertimana yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

## 3. Berapa premium yang harus saya bayar?

---

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jenis, keadaan, kegunaan jentera dan keperluan pengunderaitan pihak insurans.

Jumlah Diinsuranskan - RM \_\_\_\_\_  
Kadar Dikenakan - \_\_\_\_\_%  
Jumlah Premium Teranggar - RM \_\_\_\_\_

## 4. Apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

---

- Duti Setem - Bayaran sebanyak RM10
- Cukai Perkhidmatan (CP) (dimasukkan dalam premium) - Kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan
- Komisen yang dibayar, jika berkenaan, kepada Pengantara Insurans (termasuk di dalam premium) - maksimum 15% dari premium yang dikecualikan CP

## 5. Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

---

- Kepentingan pendedahan
  - 1 Kewajipan untuk Polisi Insurans Pengguna
    - 1.1 Jika Polisi ini adalah Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil penjagaan munasabah:
      - (a) tidak membuat salah nyataan kepada Kami apabila menjawab apa-apa soalan yang Kami tanya di dalam borang cadangan
      - (b) semasa memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyataan kepada Kami ketika menjawab apa-apa soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelum itu kepada Kami berhubung dengan Polisi ini; dan
      - (c) untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami kehendaki dalam (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
    - 2 Kewajipan untuk bukan Polisi Insurans Pengguna
      - 2.1 Jika Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:
        - (a) Anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau
        - (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
    - 3 Akibat daripada Pelanggaran Kewajipan
      - 3.1 Jika ini adalah Polisi Insurans Pengguna, pelanggaran kewajipan Anda sebagai yang dinyatakan di atas boleh mengakibatkan Kami mengelakkan Polisi ini dan menolak semua tuntutan, atau syarat-syarat Polisi ini diubah, dan / atau amaun yang kena dibayar atas suatu tuntutan dikurangkan secara berkadar, bergantung kepada jenis salah nyataan atau ketakdedahan dan kesan salah nyataan atau ketakdedahan tersebut.
      - 3.2 Jika ini bukan Polisi Insurans Pengguna, pelanggaran kewajipan Anda sebagai yang dinyatakan di atas boleh mengakibatkan Kami mengelakkan Polisi ini dan menolak semua tuntutan.
    - 4 Policy Documents : Product Disclosure Sheet
      - Single purpose : Non-Consumer
        - a. Fidelity Guarantee
  - Anda harus mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk menjaga keselamatan harta yang diinsuranskan.
  - Jaminan Premium - Premium harus di bayar dan diterima oleh pihak insurans atau pengantara insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh polisi ini mula kuatkuasa. Kegagalan dalam menjelaskan premium dalam masa ditetapkan, akan mengakibatkan pembatalan kontrak secara automatik dan Pihak Insurans berhak terhadap premium purata untuk jangka masa yang dilindungi.
  - Lebihan, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum pihak insurans menanggung kerugian anda.

Catatan: Penerangan di atas adalah makluman ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang digunapakai sepertimana yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

## 6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

---

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti:

- Kerugian atau kerosakan ke atas perkakasan boleh bertukar, pemangkin,
- Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran dan gabungan bencana, gempa bumi, kecurian, banjir, runtuh bangunan, runtuh tanah
- Kerugian atau kerosakan disebabkan dimana kontraktor, pembekal, atau pembaiki bertanggungjawab dari segi undang-undang atau di bawah perjanjian
- Kerugian atau kerosakan disebabkan kerosakan yang sedia ada atau kesilapan-kesilapan
- Perlakuan sengaja atau kecuiaan sengaja
- Perang, peperangan awam dan sebarang perlakuan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Kerugian atau kerosakan secara langsung akibat gangguan berterusan semasa beroperasi
- Akibat kerugian atau sebarang liabiliti

Catatan: Penerangan di atas adalah makluman ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang digunapakai sepertimana yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

## 7. Bolehkan saya membatalkan Polisi?

---

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium pada kadar tempoh singkat, tertakluk kepada premium minima yang ditahan oleh pihak insurans. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

## 8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam butir hubungan saya?

---

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai pada masa yang ditetapkan.

## 9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

---

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kerosakan Jentera, atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi cawangan kami, pengantara insurans anda atau lawati [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my).

Jika Anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb  
38 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
O +6 03 2058 3000  
F +6 03 2058 3333  
E [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)  
W [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)

## 10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan.

---

Tiada

### NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG DIKENAKAN ADALAH MAMPU DIBAYAR. ANDA HENDAKLAH BACA DAN FAHAM TENTANG POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MENGHUBUNGI TERUS CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

Bagi setiap tujuan dan maksud sekiranya terdapat konik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia, adalah dipersetujui bahawa versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Harap diingatkan yang :

- Anda mempunyai tanggungjawab yang sewajarnya untuk memberi kepada kami atau pengantara kami semua maklumat yang berkaitan agar membolehkan kami memberi produk kewangan yang paling sesuai untuk anda dan dengan menahan apa-apa maklumat yang kami atau pengantara kami minta, atau memberi maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai yang boleh memenuhi keperluan anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma-terma kontrak dan membincang dengan lebih lanjut dengan kami atau pengantara kami sekiranya terdapat apa-apa terma yang anda tidak faham, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda mengakui yang pengantara kami atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan polisi kontrak dan terma-terma utama kontrak, dan kontrak polisi yang diberi adalah sesuai dengan keperluan insurans anda.

Segala maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan adalah berkuatkuasa pada tarikh 01/06/2024.

Keterangan yang terdapat di dalam helaian penerangan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat- syarat yang tepat yang diperlukan terkandung di dalam kontrak polisi.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan telah dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

© 2024 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb. Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.